



**KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
(MINISTRY OF LOCAL GOVERNMENT AND HOUSING)**

Tingkat 4 - 6, 10, 11, 15 - 18, Wisma Innoprise,  
Jalan Sulaman, Teluk Likas,  
88817 Kota Kinabalu, Sabah.

Telefon: 088-328000 Faks: 088-383172/430541  
Laman Web: [www.sabah.gov.my/mlgh](http://www.sabah.gov.my/mlgh)



Rujukan: **KKT&P:100-4/22/(24)**

**PEKELILING PERKHIDMATAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN BIL. 1/2022**

**PENENTUAN KELAYAKAN BAGI URUSAN PELANTIKAN ATAU PERTUKARAN  
PELANTIKAN YANG MENSYARATKAN KELAYAKAN PT3/PMR, SPM, SVM DAN  
STPM/STAM DALAM PERKHIDMATAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

**1. TUJUAN**

Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan penentuan syarat kelayakan akademik bagi urusan pelantikan atau pertukaran pelantikan dalam perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Selaras dengan pelaksanaan Rasionalisasi Skim bagi Perkhidmatan Awam Negeri Sabah di bawah Sistem Saraan Malaysia, semua urusan pelantikan atau pertukaran pelantikan dalam perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan adalah menggunakan Skim Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri melalui Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 7/2016 berkuat kuasa pada 01 Julai 2016. Penentuan kelayakan bagi urusan pelantikan atau pertukaran pelantikan adalah berdasarkan Lampiran B4 dalam pekeling tersebut.
- 2.2 Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan telah bersetuju untuk menyemak dan mengemaskini penentuan kelayakan bagi urusan pelantikan atau pertukaran pelantikan dalam Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan dengan mengambil kira keperluan dan kesesuaian tugas jawatan-jawatan dalam perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan.

**“SABAH MAJU JAYA”**

### 3. PELAKSANAAN

Bagi urusan pelantikan atau pertukaran pelantikan yang mensyaratkan kelayakan PMR, SPM dan STPM/ Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dalam Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan, kelayakan akademik calon hendaklah menggunakan syarat-syarat yang ditentukan dalam **LAMPIRAN A**.

#### 3.1 Kelayakan Urusan Pelantikan Atau Pertukaran Pelantikan

Semua pelantikan baharu atau pertukaran pelantikan ke dalam Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengguna pakai syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam pekeliling Perkhidmatan ini termasuklah lantikan Pekerja Sambilan Harian (PSH).

#### 3.2 Pelonggaran Syarat Kelayakan Akademik Yang Sedang Berkhidmat Dalam Perkhidmatan PBT

Calon sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan termasuk Pekerja Sambilan Harian yang akan dilantik ke jawatan lain, boleh memohon pelonggaran syarat kepada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan tertakluk kepada kriteria-kriteria berikut:

- (a) Jawatan yang diperakukan mensyaratkan kelayakan SRP/PMR/PT3 sahaja.
- (b) Calon sudah berkhidmat di Pihak Berkuasa Tempatan sebelum tarikh kuat kuasa pekeliling ini.
- (c)
  - (i) Calon memiliki sijil SRP/PMR/PT3 atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya, berumur 39 tahun dan ke atas serta telah berkhidmat di Majlis sekurang-kurangnya selama lima (5) tahun; atau
  - (ii) Sekurang-kurangnya tamat Darjah Enam (6) sekolah rendah bantuan penuh Kerajaan dan berumur di antara 40 hingga 56 tahun serta telah berkhidmat di Pihak Berkuasa Tempatan sekurang-kurangnya selama sembilan (9) tahun.
- (d) Memperolehi markah prestasi purata sekurang-kurangnya 80% dan ke atas bagi tiga tahun terkini; dan
- (e) Bebas daripada tindakan tatatertib dan sebarang siasatan jenayah.

#### 4. PEMAKAIAN

- 4.1 Pekeliling ini hendaklah terpakai kepada semua Majlis Perbandaran, Lembaga Bandaran dan Majlis Daerah di seluruh Sabah.
- 4.2 Tertakluk kepada penerimaan pakai, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini juga pada keseluruhannya dipanjangkan kepada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu.

#### 5. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan ini berkuat kuasa mulai dari tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**( DATUK JAMILI NAIS, PhD )**

Setiausaha Tetap

Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan

**KOTA KINABALU.**

Tarikh : **10.1 AUG 2022**

Diedarkan kepada : Mayor Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

Presiden Majlis Perbandaran Sandakan

Presiden Majlis Perbandaran Tawau

Pegawai Eksekutif Lembaga Bandaran Kudat

Semua Pegawai Eksekutif Majlis

**PENENTUAN KELAYAKAN BAGI URUSAN PELANTIKAN ATAU PERTUKARAN  
PELANTIKAN YANG MENSYARATKAN KELAYAKAN PT3/PMR, SPM, SVM DAN  
STPM/STAM**

Bil	Kelayakan Yang Diterima Bagi Tujuan Pelantikan Ke Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan	
	Peperiksaan / Persijilan	Syarat
1.	<p><b>Penilaian Menengah Rendah (PMR)</b> (dilaksanakan mulai 1993)</p> <p>Atau</p> <p><b>Sijil Rendah Pelajaran (SRP)</b></p>	<p>Calon yang memiliki keputusan PMR/SRP seperti berikut adalah layak untuk dipertimbangkan pelantikan ke jawatan dalam Kumpulan Pelaksana yang bersesuaian yang mensyaratkan PMR/SRP iaitu:</p> <p>(a) memperolehi keputusan Lulus sekurang-kurangnya Gred 'D' bagi PMR atau Gred '8' bagi SRP dalam empat (4) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu; dan</p> <p>(b) bagi skim perkhidmatan yang mensyaratkan Kepujian dalam mata pelajaran tertentu seperti Bahasa Melayu, calon hendaklah memperolehi sekurang-kurangnya Gred 'C' bagi PMR atau Gred '6' bagi SRP dalam mata pelajaran berkenaan.</p>
2.	<p><b>Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3)</b> (dilaksanakan mulai 2014)</p>	<p>Calon yang memiliki kelayakan PT3 seperti berikut adalah layak dipertimbangkan pelantikan ke jawatan dalam Kumpulan Pelaksana yang bersesuaian yang mensyaratkan PT3 iaitu:</p> <p>(a) memperolehi sekurang-kurangnya Gred E dalam empat (4) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu; dan</p> <p>(b) bagi skim perkhidmatan yang mensyaratkan 'kepujian' dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, calon hendaklah memperolehi sekurang-kurangnya Gred 'C' dalam mata pelajaran berkenaan.</p>



Bil	Kelayakan Yang Diterima Bagi Tujuan Pelantikan Ke Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan							
	Peperiksaan / Persijilan	Syarat						
3.	<b>Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Sijil Terbuka</b> (dilaksanakan mulai 1999)	<p>Calon yang memiliki Sijil SPM mengikut sistem terbuka adalah layak dipertimbangkan pelantikan ke jawatan dalam Kumpulan Pelaksana yang bersesuaian yang mensyaratkan SPM tertakluk calon berkenaan memiliki keputusan SPM Sijil Terbuka seperti berikut:</p> <p>(a) lulus enam (6) mata pelajaran, dengan dua (2) daripada mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu dan mata pelajaran tertentu seperti mana disyaratkan dalam skim perkhidmatan adalah di peringkat Kepujian, manakala selebihnya empat (4) mata pelajaran di peringkat Lulus dalam satu peperiksaan; atau</p> <p>(b) lulus enam (6) mata pelajaran, dengan dua (2) daripada mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu dan mata pelajaran tertentu seperti mana disyaratkan dalam skim perkhidmatan adalah di peringkat Kepujian, manakala selebihnya empat (4) mata pelajaran di peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan.</p>						
4.	<b>Sijil Vokasional Malaysia (SVM)</b> (dilaksanakan mulai 2012)	<p>Calon yang memiliki Sijil SVM adalah layak dipertimbangkan pelantikan ke jawatan dalam Kumpulan Pelaksana yang bersesuaian yang mensyaratkan SPM/SVM. Bagi tujuan memenuhi syarat lulus atau kepujian Bahasa Melayu untuk pelantikan ke Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan, calon hendaklah memperoleh pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (Kod 1104) seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="651 1688 1402 1989"> <thead> <tr> <th>Syarat Kelulusan Bahasa Melayu Untuk Pelantikan ke Perkhidmatan PBT</th> <th>Syarat Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu (Kod 1104)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kepujian</td> <td>Sekurang-kurangnya Gred 'C'</td> </tr> <tr> <td>Lulus</td> <td>Sekurang-kurangnya Gred 'E'</td> </tr> </tbody> </table>	Syarat Kelulusan Bahasa Melayu Untuk Pelantikan ke Perkhidmatan PBT	Syarat Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu (Kod 1104)	Kepujian	Sekurang-kurangnya Gred 'C'	Lulus	Sekurang-kurangnya Gred 'E'
Syarat Kelulusan Bahasa Melayu Untuk Pelantikan ke Perkhidmatan PBT	Syarat Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu (Kod 1104)							
Kepujian	Sekurang-kurangnya Gred 'C'							
Lulus	Sekurang-kurangnya Gred 'E'							

Bil	Kelayakan Yang Diterima Bagi Tujuan Pelantikan Ke Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan	
	Peperiksaan / Persijilan	Syarat
5.	<p><b>Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)</b> (dilaksanakan mulai 2003)</p>	<p>Calon yang memiliki Sijil STPM adalah layak untuk dipertimbangkan pelantikan ke jawatan yang bersesuaian di peringkat STPM berdasarkan tahap kelulusan berikut:</p> <p>(a) lulus sekurang-kurangnya tiga (3) mata pelajaran Gred C dan lulus Pengajian Am (sekurang-kurangnya Gred C) dalam satu (1) peperiksaan STPM;</p> <p style="text-align: center;"><b><u>atau</u></b></p> <p>(b) lulus dua (2) mata pelajaran sekurang-kurangnya gred B dan lulus Pengajian Am (sekurang-kurangnya Gred C dalam satu (1) peperiksaan STPM;</p> <p style="text-align: center;"><b><u>atau</u></b></p> <p>(c) lulus sekurang-kurangnya dua (2) mata pelajaran Gred C dan dua (2) mata pelajaran Gred D, serta lulus Pengajian Am (sekurang-kurangnya Gred C) dalam satu (1) peperiksaan STPM;</p> <p style="text-align: center;"><b><u>atau</u></b></p> <p>(d) lulus sekurang-kurangnya empat (4) mata pelajaran yang berlainan Gred C dan lulus Pengajian Am (sekurang-kurangnya Gred C) dalam STPM yang dikumpulkan dalam dua (2) peperiksaan;</p> <p style="text-align: center;"><b><u>atau</u></b></p> <p>(e) Lulus sekurang-kurangnya tiga (3) mata pelajaran yang berlainan Gred D dan lulus Pengajian Am (sekurang-kurangnya Gred C) dalam 2 peperiksaan STPM serta sedang berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di mana-mana perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan di Sabah sebelum pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa.</p>



Bil	Kelayakan Yang Diterima Bagi Tujuan Pelantikan Ke Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan	
	Peperiksaan / Persijilan	Syarat
6.	<b>Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)</b> (dilaksanakan mulai 2000)	<p>Calon yang memiliki Sijil STAM adalah layak untuk dipertimbangkan pelantikan ke jawatan yang bersesuaian di peringkat STPM berdasarkan tahap kelulusan berikut:</p> <p>(a) lulus sekurang-kurangnya empat (4) mata pelajaran pada peringkat <i>Maqbul</i> dalam satu peperiksaan dengan kombinasi mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) dua (2) mata pelajaran dalam bidang Bahasa Arab, satu (1) mata pelajaran dalam bidang Syariah dan satu (1) mata pelajaran dalam bidang Usuluddin; atau</li> <li>(ii) satu (1) mata pelajaran dalam bidang Bahasa Arab, dua (2) mata pelajaran dalam bidang Syariah dan satu (1) mata pelajaran dalam bidang Usuluddin; atau</li> <li>(iii) satu (1) mata pelajaran dalam bidang Bahasa Arab, satu (1) mata pelajaran dalam bidang Syariah dan dua (2) mata pelajaran dalam bidang Usuluddin; atau</li> <li>(iv) dua (2) mata pelajaran dalam bidang Bahasa Arab dan dua (2) mata pelajaran dalam bidang Syariah; atau</li> <li>(v) dua (2) mata pelajaran dalam bidang Bahasa Arab dan dua (2) mata pelajaran dalam bidang Usuluddin; atau</li> <li>(vi) dua (2) mata pelajaran dalam bidang Syariah dan dua (2) mata pelajaran dalam bidang Usuluddin; atau</li> <li>(vii) tiga (3) mata pelajaran dalam bidang Bahasa Arab dan satu (1) mata pelajaran dalam bidang Syariah; atau</li> <li>(viii) tiga (3) mata pelajaran dalam bidang Bahasa Arab dan satu (1) mata pelajaran dalam bidang Usuluddin; atau</li> </ul>

Kelayakan Yang Diterima Bagi Tujuan Pelantikan Ke Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan	
Bil	Syarat
Peperiksaan / Persijilan	
	<p>(ix) satu (1) mata pelajaran dalam bidang Bahasa Arab dan tiga (3) mata pelajaran dalam bidang Usuluddin; atau</p> <p>(x) satu (1) mata pelajaran dalam bidang Syariah dan tiga (3) mata pelajaran dalam bidang Usuluddin.</p> <p style="text-align: center;"><b><u>atau</u></b></p> <p>(b) lulus sekurang-kurangnya empat (4) mata pelajaran pada peringkat <i>Maqbul</i> yang dikumpulkan daripada peperiksaan yang diduduki dalam tempoh tiga (3) tahun mulai dari tarikh keputusan peperiksaan yang pertama kali diduduki dengan kombinasi mata pelajaran seperti di perenggan (a)(i) hingga (x) di atas.</p>